


Oleh Basir Zahrom
basir_zahrom@bh.com.my

► Serdang

Siapa sangka daripada hobi membela ular dan cicak 'Gecko', akhirnya membuka pintu rezeki buat Muhammad Helmi Izzuddin Yusof untuk menceburi secara langsung dalam bidang perniagaan membatikan haiwan eksotik itu.

Pelajar Bacelor Pertanian (Sains Ternakan), Universiti Putra Malaysia (UPM) itu berkata hobinya terhadap haiwan eksotik bermula sejak empat tahun lalu dengan memelihara landak mini sebelum bertukar kepada ular dan cicak 'Gecko'.

Beliau yang menguruskan sendiri perniagaan itu, tidak pernah berhadapan dengan sebarang masalah meman-



Keunikan **haiwan eksotik menarik minat** Muhammad Helmi.

dangkan haiwan tersebut mudah untuk diuruskan.

"Permintaan pelanggan setempat mahupun luar juga semakin membanggakan yang mahu mendapatkan haiwan itu untuk dijadikan haiwan peliharaan.

"Antara spesies ular yang sering menjadi pilihan ialah Corn Snake, King Snake, Hognose Snake dan Ball Phyton selain cicak 'Gecko' yang turut mendapat sambutan," katanya.

Bagi mengembangkan perniagaan itu, beliau turut mempromosikannya melalui laman sosial Facebook selain menyertai kumpulan pemilik dan peminat haiwan eksotik di laman sosial.

Khidmat nasihat

Katanya, khidmat nasihat berkaitan penyediaan makanan dan pemeriksaan kesihatan haiwan itu turut diberikan kepada pelanggan bagi memudahkan mereka.

"Minat untuk membela binatang eksotik semakin

meningkat dalam kalangan masyarakat kerana keunikannya dan memiliki haiwan tersebut memberi satu kepuasan serta kebanggaan.

"Ternyata perniagaan ini berbaloi kerana selain menjana pendapatan, saya dapat mempraktikkan apa yang

dipelajari dalam bidang sains ternakan," katanya.

Selain menjual ular dan cicak 'Gecko', Muhammad Helmi turut melakukan aktiviti pembiakan tikus putih secara sendiri untuk dijadikan makanan ular dan dijual sekitar RM2 hingga RM4 bergantung pada saiz.


Bagi membantu melancarkan perniagaannya, beliau banyak mendapat pendedahan dan bimbingan daripada Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Kebolehpasaran Graduan (CEM) UPM menerusi Bengkel Lab Minda Keusaha-wanan.

Hobi jadi punca rezeki



TERNYATA PERNIAGAAN INI BERBALOI KERANA SELAIN MENJANA PENDAPATAN, Saya DAPAT MEMPRAKTIKKAN APA YANG DIPELAJARI DALAM BIDANG SAINS TERNAKAN"

Helmi Izzuddin Yusof,
Pelajar Bacelor Pertanian
(Sains Ternakan),



Helmi menunjukkan **ular yang dipeliharanya**.



Sebahagian daripada **cicak Gecko yang dijual** Muhammad Helmi.